

(Letter Head)

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim yang bersemayam di Istana Negara, Kuala Lumpur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadiran Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah serta seluruh kerabat Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik **(nama)** dari **(kementerian/jabatan/agensi/ngo)** . Patik mohon sembah maklum bahawa patik telah menerima kurniaan cenderahati dari KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas kurniaan termaksud.

@

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik **(nama)** dari **(kementerian/jabatan/agensi/ngo)**. Patik pohon sembah maklum bahawa patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas keberangkatan Tuanku ke Majlis **(nama majlis)**.

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak seperti ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Berdua, Putera-putera, Puteri dan seluruh Kerabat Diraja sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah S.W.T. , dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

Patik dengan segala hormat dan takzimnya.

(Nama)

Tarikh:2024M
.....1445H

Nota 1:

Font : Arial

Size : 14

Spacing : 1.15

Jenis kertas : Conqueror (warna: beige)

(Letter Head)

Mac 2024M
Syaaban 1445H

Yang Berhormat Dato' Haji Jaba bin Mohd Noah
Setiausaha Sulit Kanan kepada
KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Istana Negara
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 KUALA LUMPUR
Tel : 03-6200 1000
Faks: 03-6205 2277
Email: jaba@istananegara.gov.my

Yang Berhormat Dato',

**WARKAH MENJUNJUNG KASIH KEPADA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**


Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', saya **(nama)** dari **(agensi/jabatan/ngo)** ingin menjunjung kasih kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud tersebut.
4. Kerjasama pihak Yang Berhormat Dato' menyebarkan perkara ini kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku saya dahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, salam hormat.

(NAMA)

Jawatan

 03-0000 0000

 03-0000 0000

 1234@gmail.com